

# Hantar e-mel cadangan kepada

Oleh Nor Affizar Ibrahim dan Mona Ahmad



7 AUG 2000

WANITA di seluruh negara berpeluang menghantar cadangan, pendapat dan komen bernas kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi mel elektronik (e-mel) di laman web yang dikenali sebagai *Warkahnet Untuk PM*.

Pengerusi Majlis Internet Wanita Malaysia (Masnita), Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata wanita tanpa mengira agama, bangsa dan batasan usia boleh menghantar pendapat dan cadangan dalam usaha meningkatkan taraf wanita di negara ini.

"Mulai hari ini, wanita di seluruh negara boleh memberikan pandangan membina serta berfaedah kepada PM. Peluang yang diberikan ini, membolehkan kerajaan mengkaji, memahami dan memperbaiki keadaan yang sedia ada terhadap kehendak dan masalah yang dihadapi oleh wanita di negara ini," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran *Warkahnet Untuk PM*, di Kelab Golf Titiwangsa Polis Diraja Malaysia, baru-baru ini.

Program *Warkahnet Untuk PA4* anjuran Masnita dengan kerjasama Yayasan Azam Wanita (Yaznita) yang diadakan sempena sambutan Hari Wanita pada 25 Ogos ini.

Menurutnya, pendapat dan cadangan itu antara lain perlu menonjolkan dan memperlihatkan aspek-aspek yang berkaitan agama, ekonomi, kesihatan dan sosial.

"Aspek yang dicadangkan itu ada-

lah perkara yang dapat mempertingkatkan taraf hidup wanita keseluruhannya. Misalnya, dari segi agama dan kerohanian, ia dianggap penting bagi memperkukuhkan daya tahan diri wanita. Agama dilihat sebagai tunjang kehidupan insan yang dapat mendidik kerohanian seseorang," jelasnya.

Menurut Zaleha, pandangan dan cadangan dari segi ekonomi serta keusahawanan juga dianggap penting. Malah, pada masa ini bilangan wanita yang menceburi bidang itu juga sudah meningkat. Bagaimanapun, sekatan, halangan dan persaingan dengan lelaki menyebabkan peluang wanita untuk meningkatkan taraf ekonomi sering terbantut.

Dari aspek kesihatan pula beliau menegaskan, ia adalah tanggungjawab kesihatan sesebuah negara.

"Kesihatan yang baik bukan saja dikaitkan dengan tubuh badan yang sihat tetapi merangkumi mental dan emosi seseorang. Jadi, kalau boleh kita mahu tingkatkan taraf dan tahap kesihatan wanita, bukan saja untuk kebaikan hari ini tetapi pada masa depan," katanya.

Menurutnya lagi, pada masa yang sama nilai sosial dan kebudayaan juga tidak wajar dilupakan. Lebih lagi, masyarakat kini berhadapan dengan masalah sosial yang hebat.

Katanya, jika sebuah keluarga yang mempunyai tiga anak dapat menyelesaikan masalah sosial keluarga masing-masing, kerajaan

mungkin lebih mudah mengatasi dan menumpukan masalah yang lebih konflik.

Zaleha seterusnya menerangkan, matlamat utama program ini adalah bagi merapat dan mengeratkan hubungan rakyat dan pemimpin, selain memantapkan pencapaian dan keupayaan wanita dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk membawa wanita Malaysia ke arah kehidupan harmoni, penuh dengan ilmu pengetahuan dan berinformasi serta bijak dalam mengharungi arus pembangunan dunia Internet ataupun IT.

Beliau berkata, pihaknya juga memberi jaminan tidak akan menapis e-mel yang akan dihantarkan melalui laman itu, bagaimanapun, akan mengaturnya dengan baik supaya ia senang dibaca.

Katanya, mana-mana pihak yang berminat menghantar e-mel berkenaan bolehlah berbuat demikian di alamat <http://mymalysiaboleh.com>. Warkah itu boleh dihantar sehingga 20 Ogos depan.

Bagi wanita yang belum mahir menggunakan teknologi maklumat itu, masih berpeluang untuk menghantar warkah kepada Perdana Menteri. Mereka boleh menghantarkannya menerusi pertubuhan dan persatuan wanita yang ada di negara ini atau menghubungi Masnita 03 41433750/41433772 atau faks 03 41433786.